

TARIKH	27 / 3 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	NASIONAL

24,000 guna wang KWSP daftar haji

KUALA LUMPUR - Sejak dilancarkan 3 Januari lalu, 24,000 pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menggunakan caruman mendaftar mengerjakan haji.

Pengurus Besar Perhubungan Awam KWSP, Nik Affendi Jaafar berkata, kemudahan itu bertujuan memberi peluang kepada ahli KWSP berpendapatan rendah menunaikan haji rukun Islam yang kelima itu.

"Ahli yang layak menggunakan kemudahan ini adalah warganegara Malaysia atau pemastautin tetap ber-

agama Islam, selain belum mencapai umur 55 tahun dan mempunyai akaun simpanan di Tabung Haji.

"Ahli berminat perlu mempunyai RMI,300 di dalam akaun 1 KWSP," katanya dalam kenyataan semalam.

Nik Affendi berkata, ahli KWSP yang ingin membuat pendaftaran dengan Tabung Haji perlu mengemukakan MyKad dan penyata KWSP.

"Pendaftaran itu boleh dibuat di semua kaunter Tabung Haji, Cawangan Bank Rakyat dan Bank Islam seluruh negara namun ia tidak mempercepat-

kan giliran mengerjakan haji yang ditetapkan Tabung Haji.

"Selain itu, ahli KWSP yang telah mendaftar haji sebelum ini, boleh menukarnya kepada kemudahan Pendaftaran Haji ahli KWSP tanpa melibatkan penukaran tarikh giliran haji terdahulu," katanya.

Untuk maklumat lanjut, ahli boleh layari www.kwsp.gov.my atau www.tabunghaji.gov.my selain menghubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-8922 6000 atau Tabung Haji 03-6207 1919.